

**WACANA IDENTITI MUSLIM KONTEMPORARI  
DARI PERSPEKTIF IBN RUSYD**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2021**

**WACANA IDENTITI MUSLIM KONTEMPORARI  
DARI PERSPEKTIF IBN RUSYD**

**MOHAMMAD SYAFIQ BIN ISMAIL**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT  
MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2021**

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: WACANA IDENTITI MUSLIM KONTEMPORARI DARI PERSPEKTIF IBN RUSYD

IJAZAH: IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)

SAYA MOHAMMAD SYAFIQ BIN ISMAIL SESI PENGAJIAN 2018-2021

Mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)



SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan oleh:

---

(TANDATANGAN PENULIS)

---

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(Dr. Shaffarullah Abdul Rahman)

TARIKH:

TARIKH:

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

2021

---

Mohammad Syafiq bin Ismail

MU1721015T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA	:	MOHAMMAD SYAFIQ BIN ISMAIL
NO. MATRIK	:	MU1721015T
TAJUK	:	WACANA IDENTITI MUSLIM KONTEMPORARI DARI PERSPEKTIF IBN RUSYD
IJAZAH	:	SARJANA (PENGAJIAN ISLAM)
TARIKH VIVA	:	27. 11. 2020

## **DISAHKAN OLEH**

PENYELIA

Dr. Shaffarullah Abdul Rahman

Tandatangan

---



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Atas nama Yang Kasih, daku menulis. Selawat dan salam, buat kekasih. Segala puji-puji yang sempurna hanyalah bagiNya, Maha Ilmu dan Maha Pengurnia, di mana cebisan ilmuNya jualah yang terperca di dalam kajian ini, sementara pengkaji tak lebih daripada sekadar pengagumNya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia Dr. Shaffarullah Abdul Rahman atas kesudian memimpin pengkaji ke arah penyelesaian kajian ini, jasa baik dan ilmu tanpa hentinya yang dicurahkan kepada pengkaji. Dalam kesempatan ini juga pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih buat Profesor Madya Dr. Lai Yew Meng selaku Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (UMS), demikian juga buat Profesor Madya Dr. Mohd. Sohaimi Esa, Dr. Mohd Nur Hidayat Hasbollah bin Hajimin, Profesor Madya Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali, Profesor Madya Dr. Mohd. Azri Ibrahim, Profesor Madya Dr. Anantha Raman Govindasamy, Dr. Romzi Ationg, dan Dr. Azhar Ibrahim Alwee atas saranan dan dorongan yang diberikan kepada pengkaji sepanjang proses penulisan kajian ini. Demikianlah juga, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih juga buat kakitangan Pusat Pascasiswa UMS dan kakitangan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, terutamanya Puan Sarinah binti Awang yang telah banyak membantu dalam menjayakan kajian ini.

Begitu juga, penghargaan kepada ibuayah, adik beradik, dan sahabat-sahabat yang telah tanpa jemu meyokong ke arah penyelesaian kajian ini, secara langsung mahupun tidak, yang pengkaji syukuri semuanya. Semoga Allah membala jasa baik kalian.

Sesungguhnya tiada apa yang pengkaji miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allah, dan tiada kitab yang sempurna melainkan Al-Quran. Kajian ini tidak lebih daripada usaha penjernihan pemikiran pengkaji sendiri berkenaan tajuk yang terpilih, dan dengan itu pengkaji mengucapkan terima kasih kepada panel penilai yang sudi meluangkan masa menilai hasil kajian ini, dengan harapan agar boleh dimanfaatkan untuk kajian-kajian mendatang, dan menyumbang sedikit pencerahan dalam dunia kesarjanaan.

Mohammad Syafiq bin Ismail

2021

## **ABSTRAK**

Kajian ini telah berusaha memahami identiti Muslim, dengan menggunakan metod kajian kepustakaan dan analisis isi induktif kepada teks-teks asli Ibn Rusyd, yang menyumbang kepada pemahaman wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd dan penyusunannya dalam kerangka ilmiah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetengahkan dan menjelaskan bahawa pemikiran Ibn Rusyd berkenaan identiti Muslim boleh digunakan untuk memahami dan merungkai isu-isu berkenaan 1-identiti Muslim dan krisis autoriti intra-agama, serta 2-krisis identiti Muslim yang larut dalam kemodenan. Kajian mendapati bahawa identiti Muslim boleh terbentuk secara positif (*an sich*) dan negatif (luar diri), dan identiti Muslim yang positif dibuktikan dengan komitmen akidah dan amalan pemilik identiti tersebut terhadap Islam. Kajian turut mengenalpasti yang wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd merumuskan bahawa seseorang Muslim –filsuf, mutakallim, mahupun orang awam- ialah yang beriman kepada Allah, Kenabian, dan Hari Akhirat, dan beramal dengan syariat Islam. Wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd ini berpotensi sekiranya dijadikan sebagai dasar kepada penyelesaian kemelut autoriti mazhab, dan kelarutan identiti Muslim dalam kemodenan: dengan menggariskan secara konkret ciri-ciri keislaman yang boleh menyatukan umat Islam, dan meneliti secara terperinci perbezaaan antara umat Islam yang pada hakikatnya masih membolehkan kesatuan sebagai Muslim.

Kata kunci: Ibn Rusyd, identiti Muslim, autoriti intra-agama, kemodenan, ontologi identiti, Islam



## **ABSTRACT**

### **DISCOURSE OF CONTEMPORARY MUSLIM IDENTITY FROM IBN RUSYD'S PERSPECTIVE**

*This study sought to understand Muslim identities, using library research methods and inductive content analysis of Ibn Rusyd's original texts, which contributed to the understanding of Ibn Rusyd's Muslim Identity discourse and its formulation in a scientific framework. This study also aims to bring forth and explain the fact that Ibn Rusyd's thoughts on Muslim identity can be used to understand and resolve issues related to 1-Muslim identity and the crisis of intra-religious authority, and, 2-the dilution of Muslim identity into modernity. The study have found that Muslim identity can be formed positively (*an sich*) and negatively (*external*), and a positive Muslim identity is proven by the credal commitment and Islamic practices of the identity owner. The study also identified that Ibn Rusyd's Muslim Identity discourse concluded that a Muslim - a philosopher, a mutakallim, or layman - is a believer in Allah, Prophecy, and the Hereafter, and practices Islamic law. Ibn Rusyd's discourse on Muslim identity has the potential to serve as the basis for the solution of the sectarian authority, and the dilution of Muslim identity into modernity: by outlining concrete features of Islam that can unite Muslims, and examining in detail the differences between Muslims that in fact still enable unity between them as Muslim.*

**Keywords:** *Ibn Rusyd, Muslim identity, intra-religious authority, modernity, ontology of identity, Islam*



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
 <b>BAB 1 – PENGENALAN</b>	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.5 Sorotan Kajian	5
1.6 Metodologi Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	9
1.8 Skop Kajian	10
1.9 Struktur Penulisan	11
1.10 Kesimpulan	12
 <b>BAB 2 – IDENTITI MUSLIM</b>	 13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Identiti	13
2.3 Bantahan kepada rumusan dan jawapan kepada bantahan	18
2.4 Identiti Muslim	20
2.4.1 Perbezaan antara Mukmin dan Muslim	24
2.4.2 Identiti Kafir	28
2.5 Kesimpulan	37
 <b>BAB 3 : IDENTITI MUSLIM MENURUT IBN RUSYD</b>	 38
3.1 Pengenalan	38
3.2 Latar belakang kehidupan Ibn Rusyd dan legasinya	38
3.3 Wacana Identiti Muslim menurut Ibn Rusyd	42
3.3.1 Hipotesis a: Syariat dan Falsafah tidak bercanggah	43
3.3.2 Hipotesis b - Manusia diwajibkan untuk beriman dengan cara yang sesuai buatnya	53
3.3.2.1 Justifikasi kebenaran Islam menurut Ibn Rusyd	59
3.3.3 Hipotesis c - Manusia diwajibkan untuk beramal dengan Syariat	64
3.4 Rangkuman hipotesis	65
3.5 Perbandingan ringkas dengan wacana Identiti Muslim tokoh dan tokoh pemikir lain	66
3.6 Kesimpulan	69

<b>BAB 4 – IDENTITI MUSLIM MENURUT IBN RUSYD DAN KRISIS AUTORITI INTRA-AGAMA</b>	<b>70</b>
4.1 Pengenalan	70
4.2 Krisis Autoriti Intra-Agama: Kronologi am	70
4.2.1 Syiah	72
4.2.2 Khawarij	78
4.2.3 Muktazilah	86
4.2.4 Asyairah	90
4.2.5 Maturidiyah	96
4.2.6 Ahli Hadis	101
4.2.7 Filsuf Islam	108
4.2.8 Sufi	114
4.2.9 Usaha pendamaian konflik	118
4.2.10 Variasi definisi Islam dan Iman	126
4.3 Penerapan Identiti Muslim Ibn Rusyd sebagai Solusi	134
4.4 Bantahan kepada rumusan dan jawapan kepada bantahan	138
4.5 Kesimpulan	142
<b>BAB 5 – IDENTITI MUSLIM MENURUT IBN RUSYD DAN PERTARUNGAN BEBERAPA IDENTITI MUSLIM DALAM KEMODENAN</b>	<b>143</b>
5.1 Pengenalan	143
5.2 Moden: Soalan makna dan keberadaannya dalam dunia Islam	143
5.3 Multi-identiti dan keleburan identiti muslim	149
5.4 Penerapan Identiti Muslim Ibn Rusyd sebagai Solusi	160
5.5 Bantahan kepada rumusan dan jawapan kepada bantahan	166
5.6 Kesimpulan	168
<b>BAB 6 – KESIMPULAN KAJIAN</b>	<b>169</b>
6.1 Pendahuluan	169
6.2 Rumusan kajian	169
6.3 Penutup dan cadangan	172
<b>RUJUKAN</b>	<b>174</b>

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1: Hubungkait Islam-Iman-Kafir-Fasik	29
Rajah 2: Penjelasan Identiti Kafir	30
Rajah 3: Syariat Islam menurut Ibn Rusyd	49
Rajah 4 : Tafsiran ayat Quran 7:1 menurut Ibn Masarrahs	111
Rajah 5: Penerapan Identiti Muslim Ibn Rusyd sebagai Solusi Krisis Autoriti Intra-Agama	134
Rajah 6: Penerapan Identiti Muslim Ibn Rusyd sebagai Solusi Keleburan Identiti Muslim dalam Kemodenan	161



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

- FM** : Fasl Al-Maqal, Ibn Rusyd
- MA** : Manahij Al-Adillah, Ibn Rusyd
- TT** : Tahafut Al-Tahafut, Ibn Rusyd
- M** : Tahun Masihi
- H** : Tahun Hijri
- HR** : Hadis riwayat
- cth** : Contoh



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Mencari makna ‘Identiti Muslim’ dinihari menjadi satu kemestian. Hal ini kerana, ‘Identiti Muslim’ selalu dijadikan sebab keabsahan untuk menjadi ekstrim daripada dua sisi; ekstrim membela ‘Identiti Muslim’ tersebut dengan memusuhi orang lain yang bukan beridentiti muslim (ekstrimis Muslim), serta ekstrim membenci orang yang berpegang kepada ‘Identiti Muslim’ ini (Islamofobia). Kedua-dua keekstriman ini sama-sama telah memberi impak buruk kepada kefahaman benar terhadap Islam dan kepada keamanan orang-orang yang beridentiti muslim ini.

‘Identiti Muslim’ tidak dicipta dalam vakum. Ia wujud dalam diri setiap orang yang meyakini kebenaran Islam (iman) dan berpegang dengan ajaran Islam (amal). Akan tetapi, terdapat faktor-faktor lain yang membentuk identiti seseorang, seperti kondisi budaya setempat dan sosialnya. Atas sebab itu, pentafsiran ‘Identiti Muslim’ seakan-akan kabur dan menjadi bayang-bayang sahaja kepada identiti budaya dan identiti sosial bagi seseorang, dan perbuatan seseorang muslim mengikut ajaran Islam ditafsirkan sebagai ‘relativisme budaya’.

Sekiranya direnungkan lebih mendalam, lalu apakah motivasi sebenar di sebalik Islamofobia dan ekstrimis muslim, kalau benar ia cuma reaksi kepada identiti budaya dan sosial, yang identiti muslim itu hanyalah bayang-bayangnya? Ataupun, benarkah adanya ‘Identiti Muslim’ ini, dan bagaimanakah pula mencerapnya?

Ibn Rusyd, seorang tokoh pemikir Islam yang hidup pada kurun 12M, yang hidup di persempadanan Timur dan Barat, memiliki konsepsi yang unik berkenaan pewacanaan identiti Muslim; kerana telah mengemukakan semula penanda aras yang disepakati umat Islam, berpotensi dimanfaatkan dalam menangani krisis intra-

mazhab dan menjawab persoalan-persoalan moden seputar identiti Muslim. Justeru, sudah sampailah masanya kita mengkaji semula sisi pemikiran Ibn Rusyd yang ini, dan kajian ini akan membincangkan tentang ‘Wacana Identiti Muslim Kontemporari dari Perspektif Ibn Rusyd’.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Menurut pemerhatian awal pengkaji, terdapat dua krisis mendasar yang membayangi identiti Muslim: 1-Krisis keleburan identiti Muslim yang cuba mencari kedudukannya dalam kehidupan moden, lalu terpecah menjadi muslim kultural, liberal, feminis dan pelbagai lagi, dan 2-Krisis autoriti intra-agama yang membahagi-bahagikan umat Islam kepada identiti yang pelbagai seperti Sunni, Syiah, dan Khawarij. Hal ini bermasalah, kerana Islam sebagai sebuah agama, menuntut penganutnya untuk memiliki identiti Muslim yang satu (Quran 3: 103). Dan, sekiranya identiti Muslim itu memang pelbagai pula, lalu atas dasar apa Islam menyeru kepada keummaman dan penyatuan? Kajian ini cuba mengemukakan cadangan solusi bagi krisis ini, dengan rekonstruksi wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd dan penerapannya pada krisis.

Bermula era 60an pada kurun lalu, terdapat gerakan-gerakan yang cuba menyelesaikan krisis identiti ini dan menyahut seruan kemodenan agar menyediakan satu rangka identiti islami. Mereka terbahagi kepada tiga secara amnya: 1-Golongan yang meleburkan identiti Islam dalam kemodenan dan mengandaikan identiti Islam sebagai historikal semata-mata. (lihat sebagai contoh: Arkoun, 2012); 2-Golongan yang responsif secara negatif kepada sebarang percubaan meleburkan ini dan berusaha mengukuhkan dasar-dasar fundamental islami dengan menggunakan perangkat fiqh sebagai metod awal. (lihat sebagai contoh: Hamka, 2009. Al-Rumaitsi, 2014); dan 3- Golongan yang responsif secara positif kepada percubaan ini dan menyelesaikannya dengan pengharmonian antara nilai moden dengan Islam, samada dengan asimilasi terpilih, atau kekreatifan dalam mencari titik persamaan (lihat sebagai contoh: Ramadan, 2017). Kedua-dua golongan yang responsif ini (golongan 2 dan 3), selalunya akan mencari autoriti keabsahan gagasan mereka dengan merujuk sumber-sumber primer pemikir-pemikir Islam klasik. Ia dipersembahkan dan diolahsemula sesuai dengan tujuan dan pratanggap mereka akan cara menyelesaikan krisis.

Lanjutan daripada kegiatan merujuk sumber-sumber primer pemikir Islam klasik, mereka merujuk kepada sumber pemikiran Islam yang berasal daripada aliran yang pelbagai dengan tafsiran Islam yang kelihatan saling bercanggah. Sebagai contoh, Hamka yang kita nukilkan sebelum ini, menggunakan kerangka pemikiran Islam-Sunni untuk menegaskan bentuk identiti Muslim, sementara Al-Rumaitsi pula menggunakan kerangka pemikiran Islam-Syiah untuk menegaskan bentuk identiti Muslim, yang berbeza dengan cara kefahaman Hamka. Ketiga-tiga golongan masih ada, dan ini saling tunduk-menundukkan antara satu sama lain, serta mendakwa bahawa cara dan tafsiran mereka terhadap Islam itulah yang paling benar, dan, setiap muslim yang ingin memahami identiti muslim itu haruslah mengikuti cara kefahaman mereka sahaja. Adakah cara sebegini merupakan cara yang tepat untuk beridentiti sebagai muslim?

Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat perlunya kepada kajian atau penyelidikan berkaitan isu identiti agama ini, untuk memberi gambaran dan kefahaman yang jelas berkenaan bagaimana ia layak ditangani sebagai krisis yang berdasar, dengan memilih Ibn Rusyd sebagai rujukan utama, di mana beliau telah menggariskan secara konkrit ciri-ciri keislaman, dalam masa yang sama mengiktiraf perbezaan manusia dalam menerima dan memahami Islam dan identitinya sebagai Muslim.

Beliau merupakan seorang pemikir, pakar Fiqh, dan tokoh Falsafah Peripetistik Islam, yang berusaha menjawab dikotomi akal-syariat dalam karya-karya falsafah aslinya seperti *Fasl Al-Maqal*, *Manahij Al-Adillah*, dan *Tahafut Al-Tahafut*. Dengan ini, beliau seterusnya mencipta sebentuk heirarki dinamik intra-agama yang wajar dikaji dan dikemukakan kepada khalayak, yang menyeru kepada pengharmonian identiti rentas mazhab, dengan semangat dialog dan diskusi terbuka, yang hakikatnya bukanlah bertentangan dengan jiwa dan pengamalan Islam itu sendiri yang positif terhadap kemanusiaan.

Terdapat tiga persoalan intipati kajian:

1-Apakah Identiti Muslim?

2-Bagaimanakah karya Ibn Rusyd menyumbang kepada pemahaman identiti Muslim?

3-Bagaimakah pemikiran Ibn Rusyd berkenaan identiti Muslim boleh digunakan untuk memahami isu-isu melibatkan identiti Muslim berdepan krisis autoriti intra-agama dan kemodenan?

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara khususnya, kajian ini dilakukan bagi mencapai tiga objektif penting.

Pertamanya, ialah untuk menjelaskan apakah 'Identiti Muslim', yang merangkumi perbahasan ringkas mengenai Identiti Muslim dan ontologinya.

Seterusnya, kajian ingin membincangkan tentang sumbangan karya-karya dan pemikiran Ibn Rusyd kepada pemahaman identiti Muslim, dengan mengkaji dan merekonstruksi wacana Identiti Muslim menurut idea beliau, berdasarkan teks-teks karangan beliau sendiri.

Akhir sekali, kajian ini ingin menjelaskan cara wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd mencerap dan merungkaikan permasalahan identiti yang dialami kaum Muslim kini, berkenaan krisis autoriti intra-agama (antar-mazhab, merujuk kepada mazhab akidah) dan keleburan identiti Muslim dalam kemodenan.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai wacana identiti Muslim di sisi Ibn Rusyd ini dilihat penting kerana kedudukan beliau sebagai tokoh yang terkenal dalam kalangan sarjana Timur dan Barat sebagai salah seorang pemikir yang menyumbang kepada Kebangkitan Eropah. Begitu banyak kajian telah dilakukan berkenaan falsafah dan pemikiran beliau, namun kajian ilmiah berkenaan wacana Identiti Muslim menurut pemikirannya jarang ditonjolkan. Kebanyakan pengkaji seperti 'Immarah (2012) dan Renan (2008) lebih gemar mengkaji sejarah dan kesan pemikiran beliau terhadap pemikiran Muslim dan Bukan Muslim. Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat mengenalpasti wacana Identiti Muslim di sisi Ibn Rusyd, dengan membinanya semula daripada hasil pemahaman pengkaji akan teks-teks beliau, dan seterusnya mengaplikasikannya dalam usaha memahami permasalahan kontemporari identiti Muslim yang berkaitan krisis autoriti dan kemodenan.

Dengan adanya kajian ini, justeru mengetengahkan dan menjelaskan kebolehan idea-idea Ibn Rusyd, yang seringkali dipandang negatif oleh para pengkaji konservatif, untuk merentas masa dan menjawab keperluan semasa.

### **1.5 Sorotan Kajian**

Pengkaji akan membahaskan sorotan kajian berkenaan Identiti Muslim, berkaitan polemik krisis autoriti intra-agama dan keleburan identiti Muslim dalam kemodenan.

Polemik krisis autoriti intra-agama merupakan antara cabaran terawal yang dialami umat Islam, yang membawa kepada pentafsiran identiti Muslim yang pelbagai. Penulisan berkenaan dikesan dalam kurun-kurun terawal sejarah tamadun Islam, seperti mana yang dilakukan oleh Abu Al-Hasan Al-Asy'ari (wafat 330H), di dalam bukunya *Maqalat Al-Islamiyin* (2009), yang merumuskan aliran-aliran Islam dan tafsiran setiap satu aliran tersebut berkenaan Islam. Hanyasanya, kerana beliau merupakan seorang Sunni, maka sikapnya kepada bukan-Sunni, meskipun objektif, tetap sahaja tidak menyelesaikan krisis autoriti ini kerana *bias* Sunni yang kuat dalam karyanya ini. *Bias* Sunni-Asy'ari dikesan pengkaji di dalam karya Abd Al-Qahir Al-Baghdadi (wafat 429H) di dalam karyanya *Al-Farq baina Al-Firaq* (1990).

Sekiranya kita meneliti karya-karya tokoh utama aliran Syiah Imamiyah, seperti An-Naubakhti (wafat 310H) dalam *Firaq Al-Syiah* (2008), *bias* Syiah yang kental turut dikesan apabila beliau menamakan tokoh-tokoh Sunni seperti Imam Abu Hanifah sebagai Murj'iah Ahli Iraq, Imam Al-Syafi'ie, Al-Tsauri, Ibn Abi Laila, dan Imam Malik sebagai Hasyawiyah – di mana secara implisitnya beliau menyatakan Murji'ah dan Hasyawiyah itu sesat, kerana bukan Syiah Imamiyah. *Bias* sama juga dikesan dalam karya Allamah Al-Hilli (wafat 648H), Bab Kesebelas daripada *Minhaj Al-Solah* (2008), dikhurasukan beliau untuk membahaskan usul akidah Syiah, bahawa Muslim itu mestilah Syiah Imamiyah, dan pada masa yang sama membantah akidah Sunni yang tidak percaya akan pewarisan *Imamah* pada keturunan Saidina Ali.

Sekiranya diteliti pula dalam karya-karya Syiah Ismailiyah, seperti karangan Da'ie Mutlaq Ali Al-Walid berjudul *Taj Al-'Aqa'id* (1982: 127), beliau mendakwa seorang Mukmin hakiki itu mestilah menjadi Syiah, yang menurutnya Syiah

Ismailiyah. Dengan demikian, secara implisitnya menyatakan yang bukan-Ismailiyah tidak benarlah keislamannya. Demikian juga dalam aliran Syiah Zaidiyah, *bias* Zaidi dikesan dalam karya Imam Yahya Al-'Alawi (wafat 745H), apabila beliau membantah bukan-Zaidi dan menerangkan kesesatan mereka di dalam bukunya *Al-Tamhid* (2011), untuk menegaskan identiti Muslim yang hakiki ialah Syiah Zaidiyah. Sekiranya kita melihat dalam karya aliran Khawarij-Ibadhiyah, tokoh utama mereka juga, seperti Abu Ammar Abd Al-Kafi Al-Ibadhi (wafat sebelum 570H) dalam karyanya *Al-Mujaz* (1990), mengkhususkan karya itu untuk membantah aliran-aliran yang bukan-Ibadhi, untuk menegaskan identiti Islam yang sah hanyalah menurut Ibadhiyah. Karya-karya ini masih menjadi rujukan utama setiap aliran ke hari ini, yang mengakibatkan krisis autoriti intra-agama tersebut masih kekal ke hari ini, seterusnya mencipta pemahaman terhadap identiti Muslim yang pelbagai dan dakwaan keislaman yang saling bercanggah pula.

Berdepan dengan kemodenan, tafsiran identiti Muslim yang sedia ada mencapai itu dileburkan sesuai dengan tuntutan hak asasi manusia dan beberapa seruan kemodenan seperti perubahan sistem politik dan budaya. Situasi ini dikesan dalam karya Jursyi (2000) menjelaskan wujudnya golongan Muslim Liberal dan membezakannya daripada Muslim Progresif. Amina Wadud (2015) membahaskan pula bagaimana wujudnya Feminis Muslim, yang mentafsirkan semula teks-teks agama yang telah disadur nilai patriarki menurutnya. Hendricks (2010) membahaskan bagaimana wujudnya Muslim LGBT. Kesemua ini relatif baharu dalam masyarakat Muslim, muncul seraya dengan tuntutan hak asasi manusia moden, dan mereka menganggap diri mereka sebagai Muslim yang sah. Tafsiran mereka ini pula dicabar oleh muslimin yang bukan-Liberal, bukan-Feminis, bukan-LGBT, dan bukan-Progresif. Begitu juga, kemunculan dua kutub identiti Muslim: Muslim Kultural dan Ekstrimis Muslim dikesan Yasmeen (2008) dan Ali (2011) – sebagai respon keleburan identiti Muslim di dalam kemodenan dan realiti agama yang menjadi realiti kedua bagi sebilangan Muslimin.

Seterusnya, pengkaji akan membahaskan karya-karya berkenaan Ibn Rusyd: karya-karya am yang membahaskan sejarah kehidupan dan pemikiran Ibn Rusyd, dan karya-karya khusus membahaskan tesis 'Penyatuan Agama & Falsafah' menurut beliau.

Jum'ah (2015) dan Palencia (1955) telah mengarangkan bab khusus dalam buku-buku mereka ini menyoroti sejarah kehidupan ilmiah Ibn Rusyd, latar belakang pendidikannya dan pencapaiannya dalam membentuk aliran mazhab Peripatetiknya yang tersendiri. Renan (2008) dan Urvoy (2001) membicarakan secara umum kronologi perkembangan pemikiran Ibn Rusyd, serta perkaitannya dengan gerakan Falsafah Yahudi, Skolastik, dan Aliran Padu (*Mainstream*). Sementara 'Immarah (2012), Dhiya Habib Taufiq (2014) di samping membahaskan latar belakang dan falsafah Ibn Rusyd secara am, turut membahaskan kesan falsafah Ibn Rusyd kepada pemikir-pemikir Arab-Islam sesudahnya, samada yang mengikuti tradisi Ibn Rusyd ataupun metod akliyah Ibn Rusyd.

Tesis 'Penyatuan Agama dan Falsafah' oleh Ibn Rusyd, telah digarap khas oleh Mahdi (1984) dalam komentar kritisnya akan bab per bab *Fasl Al-Maqal* karya Ibn Rusyd. Beliau menjelaskan tesis Ibn Rusyd ini bermaksud Agama dan Syariat itu seharusnya saling membenarkan, kerana kedua-duanya merujuk kepada kebenaran, akan tetapi manusia berbeza pada cara memahaminya. Filsuf memahami hakikat dengan cara sebenar, dan orang awam (selain filsuf) memahami kebenaran dengan cara metafora (yakni menerima metafora sebagai kebenaran), yang dilihat membawa kepada masalah kebenaran ganda (*double truth*). Kebenaran hakiki hanya dipegang filsuf, dan tidak boleh disebarluaskan kepada orang awam kerana tidak 'akan' mampu difahami mereka. Sementara Butterworth (2001) melihat bahawa tesis penyatuan ini kembali merujuk kepada kewajiban syar'ie seorang Muslim yang difatwakan Ibn Rusyd, sesuai dengan fitrahnya. Yakni yang berfitrah filsuf wajib memahami kebenaran hakiki, dan yang berfitrah awam tidak wajib memahami kebenaran hakiki. Arkoun (1986) menjelaskan bahawa elitisme filsuf yang dianjurkan Ibn Rusyd ini bukanlah baharu, kerana sama seperti Al-Ghazali, yang hanya mengehadkan pengetahuan hakiki pada Mutakallimin, dan tidak menyebarkannya kepada orang awam.

Kebenaran ganda ini berfungsi untuk tidak mengkafirkan filsuf, sepetimana yang dicurigai Qassam (2014), Taylor (2007), Al-Jami (1993), Qumair (1979) dan Sidiropoulou (2015). 'Immarah (2012) berpendapat bahawa tidak wujud kebenaran ganda, yang berbeza hanyalah perspektif. Antun (2012) menegaskan bahawa Ibn Rusyd tetap mengutamakan pemahaman teks Agama apa adanya, dan tidak melagakannya dengan akal dan takwil. Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan

Ahmad (1999), bahawa Ibn Rusyd cuba untuk merapatkan jurang antara filsuf dan ulama, dan antara aliran-aliran pemikiran dalam Islam itu sendiri; melalui teks Wahyu (Al-Quran dan Sunnah) dan metod takwil yang sesuai dengan bahasa Arab, agar mereka tidak saling mengkafirkan dan menyesatkan (menyatakan sesat). Antun (2012) menyatakan bahawa Ibn Rusyd amat menekankan perihal wujudnya kaum Zindiq yang bertujuan untuk membatalkan Syariat, yang wajib dibunuh kerana merosakkan agama.

Memandangkan penulis-penulis sebelum ini<sup>1</sup> jarang yang menyentuh secara khas mengenai wacana identiti agama di sisi Ibn Rusyd, maka penulis akan mencuba mengkaji isu-isu tersebut dalam kajian ini.

## 1.6 Metodologi Kajian

Kajian yang bakal dijalankan akan menggunakan reka bentuk rentas kualitatif dalam mengumpulkan maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian, yakni Kajian Perpustakaan dan Analisis Isi Induktif (*Inductive Content Analysis*) (Bengtsson, 2016). Kajian ini menganalisa data berstruktur: sumber primer karya falsafah Ibn Rusyd sendiri seperti *Fasl Al-Maqal*, *Tahafut Al-Tahafut & Manahij Al-Adillah*, dan kemudiannya menggunakan cara induktif untuk menyimpulkan wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd. Di samping itu, merujuk artikel dan jurnal yang dikarang dalam bahasa Arab, Inggeris & Melayu, berkenaan wacana identiti di sisi Ibn Rusyd (sekiranya ada) dan yang berkaitan.

Pengkaji memilih kajian kepustakaan sebagai metod kajian kerana sumber rujukan bagi karya-karya utama Ibn Rusyd tersedia dalam bentuk berstruktur dan bercetak, begitu juga rujukan-rujukan lain berkenaan ontologi identiti, krisis autoriti intra-agama dan kemodenan.

Pengkaji memilih metod analisis isi induktif untuk menyimpulkan wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd kerana ia jarang atau belum lagi dibahaskan secara

<sup>1</sup> Menurut pembacaan pengkaji, terdapat banyak lagi karya-karya ilmuan berkenaan Ibn Rusyd di dalam bahasa Arab dan Inggeris yang tidak pengkaji sertakan dalam senarai ini, kerana kemiripannya dengan bahan kajian yang telah disenaraikan. Misalnya, karya Majid Fakhry (2008) berjudul *Averroes: His Life, Works and Influence*, yang pengkaji dapat *redundant* dan topik-topiknya mirip dengan kajian yang telah dilakukan Renan. Begitu juga, karya Mohammad Abid Al-Jabiri (1998) berjudul *Ibn Rusyd: Sirah wa Fikr*, yang majoritinya merupakan himpunan nota-nota beliau mengupas isi kandungan karya Ibn Rusyd agar bersesuaian dengan projek ilmiahnya; hal yang dianalisa oleh Dhiya Habib Taufiq.

tersusun dalam mana-mana literatur seperitimana telah disentuh dalam subseksyen 1.5.

Pengkaji mendapati metod-metod kualitatif yang lain tidak relevan dengan objektif kajian untuk menyimpulkan wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd daripada karya-karyanya sendiri, atas sebab demikian pengkaji mengehadkan metod kajian kepada dua metod ini sahaja.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya memfokuskan kepada wacana ontologi identiti dan pembentukan identiti Muslim, justeru tidak akan menyentuh politik identiti, dan identiti menurut sudut pandang sosiologi dan politik. Pengkaji berpendapat bahawa ontologi identiti inilah yang menjadi dasar kepada identiti menurut sosiologi dan politik, justeru wajar diberikan keutamaan.

Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada wacana identiti Muslim menurut sudut pandang Ibn Rusyd, justeru tidak akan menyentuh pemikiran politik, sosial, Fiqh, ataupun falsafah Peripatetik yang diperjuangkan beliau. Kajian ini juga hanya akan merujuk tiga karya utama Ibn Rusyd: *Fasl Al-Maqal*, *Manahij Al-Adillah*, dan *Tahafut Al-Tahafut* sebagai rujukan utama, kerana dua daripadanya (*Fasl Al-Maqal* dan *Manahij Al-Adillah*) merupakan karya terakhir Ibn Rusyd seperti dinyatakan Jum'ah (2015) Justeru menurut pengkaji, layak untuk mewakili kesimpulan pemikiran Ibn Rusyd.

Ibn Rusyd, sepanjang kehidupannya kesarjanaannya sebagai filsuf Islam, telah menulis pelbagai karya dalam bentuk syarahan dan ringkasan kepada karya Aristotle dan Plato, di mana beliau secara tidak langsung menyelitkan idea-idea asli beliau di dalamnya. Karya-karya asli beliau dalam falsafah –yang bukan syarahan atau ringkasan kepada karya filsuf sebelumnya- menurut pemerhatian pengkaji, cumalah tiga, *Fasl Al-Maqal*, *Tahafut Al-Tahafut* & *Manahij Al-Adillah*.

Ketiga-tiga karya ini merupakan ringkasan bagi projek pemaduan Falsafah-Syariat oleh beliau, di mana beliau mengarang *Fasl Al-Maqal* dengan tujuan memahamkan ulama Syariat bahawa Falsafah tidak bercanggah dengan Syariat, *Manahij Al-Adillah* pula untuk memahamkan filsuf bahawa Syariat tidak bercanggah

dengan Falsafah, dan *Tahafut Al-Tahafut* (lit. Kerancuan atas Kerancuan) Ibn Rusyd merungkai kerancuan Al-Ghazali dan salahfahamnya akan idea-idea filsuf yang dilabel Al-Ghazali sebagai ‘kerancuan’. Natijah projek ini berfungsi untuk merendahkan autoriti mutakallimin dalam pentafsiran Islam dan tidak mengkafirkan filsuf Islam. Atas sebab ini, pengkaji memilih ketiga-tiga buah buku ini mewakili pemikiran asli filsuf Ibn Rusyd.

Buku *Fasl Al-Maqal* dan *Manahij Al-Adillah* diterbitkan buat pertama kalinya pada tahun 1859M di Munich, German, hasil kajian Marcus Joseph Muller, orientalis Jerman, yang telah merujuk manuskrip di Perpustakaan Escorial yang bertarikh 724H. Pada tahun 1959M, ia telah dikaji semula oleh George Hourani, dan diterbitkan oleh Brill, dengan merujuk kajian Muller dan tambahan daripada manuskrip yang ditemukannya di Perpustakaan Madrid bertarikh 633H. Dr. Mahmud Qasim telah menemukan manuskrip Manahij Al-Adillah di Perpustakaan Taimuriah di Mesir, dan menerbitkan kajiannya itu pada tahun 1964M di Kaherah. Dr. Muhammad Immarah telah melakukan kajian saling bagi *Fasl Al-Maqal*; antara teks kajian Muller, Hourani, manuskrip Taimuriah dan cetakan Maktabah Mahmudiah, dan menerbitkan kajiannya itu pertama kalinya pada tahun 1969M.

Sementara *Tahafut Al-Tahafut*, pertama kali diterbitkan dalam bentuk cetakan pada tahun 1886M di Mumbai, India. Kemudian pada tahun 1927M dicetak di Beirut dengan kajian Fr. Maurice Bouyges, yang kemudiannya diulangcetak pada tahun 1962M – Al-Matba’ah Al-Katsulikiyah, di Beirut juga. Pada tahun 1994 ia dicetak Dar Al-Hilal, Beirut, dikaji dan disyarahkan oleh Dr. Ali Bu Mulhim. Pada tahun 2000M, ia dikaji semula oleh Salahuddin Al-Hawwari, dicetak Al-Maktabah Al-‘Asriyah, Beirut.

## 1.8 Skop Kajian

Kajian ini akan dimulakan dengan perbahasan ontologi identiti. Selanjutnya, kajian ini menumpukan kepada sejauhmana identiti Muslim dibincangkan dalam pemikiran Ibn Rusyd, dan berusaha untuk menyusunnya semula dalam kerangka ilmiah. Seterusnya, menggunakan wacana itu untuk merungkaikan persoalan krisis autoriti intra-agama dan kemodenan yang berkaitan secara langsung dengan pemahaman identiti Muslim.

## **1.9 Struktur Penulisan**

Struktur penulisan ini dibina berdasarkan enam bab tunjang dan disusun secara sistematis.

Bab satu berkenaan pengenalan kajian, penyataan permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, dan limitasi kajian. Pengkaji turut menyertakan sorotan literatur kajian-kajian lepas berkenaan identiti Muslim dan wacana pemikiran Ibn Rusyd di dalam bab ini.

Bab kedua berkenaan identiti Muslim. Pengkaji mendahulukannya dengan perbahasan ontologi pembentukan Identiti, dan beberapa bantahan yang boleh ditimbulkan kepada konklusi pengkaji serta jawapannya. Lalu diikuti dengan perbahasan pembentukan identiti Muslim. Pengkaji turut menyertakan perbahasan perbezaan Mukmin dan Muslim, dan perbahasan identiti Kafir sebagai pelengkap kepada perbahasan bab.

Bab ketiga dikhurasukan untuk rekonstruksi wacana Identiti Muslim di sisi Ibn Rusyd. Pengkaji mendahulukan bab ini dengan membahaskan secara ringkas latar belakang Ibn Rusyd, dan menyenaraikan beberapa sebab yang menjelaskan mengapa Ibn Rusyd kurang popular dalam kalangan kesarjanaan Islam. Seterusnya, pengkaji membahaskan hipotesis-hipotesis yang menjadi dasar kepada wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd, dan merumuskannya daripada teks-teks beliau. Pengkaji menutup bab ini dengan perbandingan ringkas dengan wacana Identiti Muslim tokoh dan pemikir lain sebagai pelengkap kepada perbahasan bab.

Bab keempat merupakan analisa pengkaji berkenaan bagaimana wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd mampu merungkai persoalan kepelbagaiannya identiti Muslim kerana krisis autoriti intra-agama. Pengkaji mendahulukan bab ini dengan membahaskan kronologi am krisis autoriti intra-agama, yang menjelaskan secara ringkas dan padat berkenaan kemunculan aliran-aliran di dalam Islam (Sunni, Syiah, Khawarij, dan lain-lain). Seterusnya, pengkaji membahaskan bagaimana wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd boleh dimanfaatkan sebagai perungkai isu kepelbagaiannya identiti Muslim kerana kemelut autoriti intra-agama, dengan menyatukannya. Pengkaji menutup bab ini dengan beberapa bantahan yang boleh ditimbulkan kepada konklusi pengkaji serta jawapannya sebagai pelengkap kepada perbahasan bab.

Bab kelima merupakan analisa pengkaji berkenaan bagaimana berkenaan Identiti Muslim menurut Ibn Rusyd berinteraksi dengan pertarungan beberapa identiti Muslim dalam Kemodenan. Pengkaji mendahuluikan bab ini dengan membahaskan definisi Kemodenan, dan bagaimana Kemodenan memberi kesan kepada masyarakat Islam. Seterusnya, pengkaji membahaskan keleburan identiti Muslim dan kewujudan multi-identiti dalam diri Muslim kerana kemodenan. Seterusnya, pengkaji membahaskan bagaimana wacana Identiti Muslim Ibn Rusyd boleh dimanfaatkan sebagai perungkai isu kepelbagaian identiti Muslim kerana kemodenan, dengan menyatukannya. Pengkaji menutup bab ini dengan beberapa bantahan yang boleh ditimbulkan kepada konklusi pengkaji serta jawapannya sebagai pelengkap kepada perbahasan bab.

Bab terakhir menyimpulkan keseluruhan kajian dan ditutup dengan rumusan dan cadangan.

### **1.10 Kesimpulan**

Persoalan berkenaan wacana Identiti Muslim merupakan suatu keperluan yang memoden, yang diharap dengan mengkaji hasil peninggalan sarjana lama, dengannya kita bisa memandu kefahaman kita ke arah pembentukan identiti Muslim yang sejahtera, dan dinamik serta tidak bersifat eksklusif bertakuk di tempat lama.